



KONTINJEN UMS, dari kanan: Awang Ahmad, Mansoor, Dr. Low, Dr. Azazie (ketua kontinjen – memegang anugerah khas), Dr. Lee dan Dr. Arif.

UMS menang emas di Seoul

KOTA KINABALU: 7 DE 4.12.2014 7
Universiti Malaysia Sabah (UMS) meraih satu emas, dua perak dan lima gangsa pada Pesta Rekaan Antarabangsa Seoul (SIIF) 2014 baru-baru ini.

Pesta tersebut, yang diadakan dari 28 November hingga 1 Disember, merupakan satu pertandingan inovasi peringkat antarabangsa membabitkan hampir 800 projek inovasi dari 34 negara di seluruh dunia.

Lima ahli akademik membawa bersama sembilan projek, mewakili UMS.

Pingat emas diperolehi pasukan yang terdiri daripada Jinky Jane C. Simeon, Profesor Madya Dr Low Kok On, Awang Ahmad dan Kenneth Teo, bagi projek mereka bertajuk "Tuniring" di bawah kategori Bahan Penyelidikan Pengajaran dan Bahan Pedagogi.

Projek inovasi itu dibuat berdasarkan Kulintangan terkenal Sabah, disertai satu buku lagu dan CD yang bertujuan untuk mengajar

kanak-kanak muda.

Tuniring juga memenangi 'Anugerah Khas' daripada Persatuan Rekaan Taiwan. Persatuan itu amat kagum dengan Tuniring kerana kebergunaan serta praktikalnya dalam mempromosi pendidikan muzik dalam kalangan pelajar muda.

Dua pingat perak dimenangi oleh Prof. Madya Dr Khin Maung Ohn @ Arif untuk projeknya yang bertajuk "Novel Approach For Auto-Pneumothorax Simulator (NAFAS)" dan Awang Ahmad B. Mohd Yunus (TAeDTM: Tongkat Ali Extraction and Distillation).

Lima pingat gangsa disumbangkan oleh Prof. Madya Dr Lee Kean Wah (Dyscalculia Screener for Primary School Students); Prof. Madya Dr Khin Maung Ohn @ Arif (Interactive Classification System (ICS) in Medicine and Surgery); Mansoor Abdul Hamid (Ve-Kaya: Instant Vegetables Srikaya and Tarap Fruit Leather) dan Dr. Low Kok On (AR Folktale-Riddle Book).